KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu

**MPP3 TAHUN 2021**
**EKONOMI**
**Kertas 1** 3767/1

1¼ jam

Satu jam lima belas minit

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. *Kertas soalan ini mengandungi* ***40 soalan.***
2. *Jawab* **semua** *soalan.*
3. *Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan iaitu* **A, B, C** *dan* **D.** *Bagi setiap soalan, pilih* **satu** *jawapan sahaja.* **Hitamkan** *jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.*
4. *Jika anda menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baru.*
5. *Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik yang tidak boleh diprogram.*

---

Kertas soalan ini mengandungi 12 halaman bercetak





1 Masalah utama ekonomi berlaku disebabkan oleh

A sumber ekonomi yang terhad dengan kehendak yang terhad
B sumber ekonomi yang tidak terhad dan kehendak yang terhad
C sumber ekonomi yang terhad dengan kehendak yang tidak terhad
D sumber ekonomi yang tidak terhad dengan kehendak yang tidak terhad

2 Rajah berikut menunjukkan sumber-sumber ekonomi yang digunakan untuk mengeluarkan barang-barang dan perkhidmatan.




Apakah ganjaran yang diterima oleh **A**?

A Upah
B Sewa
C Faedah
D Untung

3 Jadual berikut menunjukkan kemungkinan pengeluaran bagi barang perkilangan dan barang pertanian dalam sebuah ekonomi.

| Kombinasi | A | B | C | D | E |
|---|---|---|---|---|---|
| Barang perkilangan (unit) | 0 | 1 | 2 | 3 | 4 |
| Barang pertanian(unit) | 37 | 30 | 25 | 10 | 0 |

Berapakah kos lepas apabila kombinasi pengeluaran bertukar daripada **B** ke **C**?

A 1 unit barang perkilangan
B 4 unit barang perkilangan
C 5 unit barang pertanian
D 7 unit brang pertanian

4 Situasi berikut berkaitan dengan masalah ekonomi.

> Syarikat NAZZ mempunyai modal RM190 000 dan ingin mengeluarkan majalah dengan kos sebanyak RM190 000 dan novel yang memerlukan kos RM200 000. Syarikat NAZZ akhirnya membuat keputusan mengeluarkan majalah dengan kos RM190 000.

Apakah masalah ekonomi yang dihadapi oleh syarikat tersebut?

A Kekurangan pendapatan
B Kekurangan sumber hasil
C Pilihan yang dibuat berdasarkan kepuasan maksimum dan kos yang minimum
D Kos lepas yang dihadapi ialah keluaran kedua terbaik yang terpaksa dilepaskan

5 Rajah berikut adalah keluk kemungkinan pengeluaran bagi sebuah ekonomi.




Pernyataan yang manakah benar?

A Titik V menunjukkan masalah ketidakupayaan ekonomi terhadap komputer dan pakaian
B Titik U menunjukkan berlaku kos lepas terhadap komputer sebanyak 9 000 unit
C Titik R,S, T dan U menunjukkan kombinasi ketidakcekapan ekonomi
D Titik Y merupakan titik kecekapan ekonomi

6 Maklumat berikut berkaitan dengan Syarikat AB.

> Syarikat AB akan mengeluarkan permainan kanak-kanak sempena musim perayaan yang akan tiba pada bulan Disember nanti. Syarikat AB telah menambah 6 orang pekerja dalam operasi pengeluarannya memandangkan permintaan yang tinggi menjelang musim tersebut.

Antara berikut, masalah asas ekonomi manakah yang belum diselesaikan oleh Syarikat AB?

A Apa yang hendak dikeluarkan
B Berapa yang hendak dikeluarkan
C Bagaimana hendak dikeluarkan
D Untuk siapa hendak dikeluarkan

7 Pilih kenyataan yang betul tentang ekonomi Islam.

A Kerajaan yang menentukan jenis barang yang hendak dikeluarkan
B Kepentingan awam diutamakan berbanding kepentingan individu
C Mementingkan kebendaan dan kekayaan di dunia
D Individu bebas untuk memiliki sumber kekayaan

8 Maklumat berikut berkaitan dengan tiga jenis barang.

| Harga Barang A (RM) | Barang B (unit) | Barang C (unit) |
|---|---|---|
| 5 | 20 | 20 |
| 10 | 30 | 10 |

Apakah hubungan antara barang A, barang B dan barang C apabila harga A meningkat?



Scanned with CamScanner



A Barang A adalah penggenap kepada barang B dan pengganti kepada barang C
B Barang A adalah pengganti kepada barang B dan penggenap kepada barang C
C Barang B adalah penggenap kepada barang C dan pengganti kepada barang A
D Barang C adalah pengganti kepada barang B dan penggenap kepada barang A

9 Rajah berikut berkaitan dengan penawaran mesin basuh jenama A.




Apakah penentu yang menyebabkan peralihan keluk tersebut?

A Peningkatan teknologi moden
B Peningkatan harga pada masa depan
C Peningkatan harga faktor pengeluaran
D Peningkatan cukai eksais terhadap barang tempatan oleh kerajaan

10 Pasangan manakah yang benar?

| | Perubahan dalam kuantiti ditawar | Perubahan Penawaran |
|---|---|---|
| A | Penentu ialah faktor harga barang lain | Penentu ialah harga barang itu sendiri |
| B | Melibatkan dua keluk penawaran | Melibatkan satu keluk penawaran sahaja |
| C | Apabila harga tetap, kuantiti ditawar berubah | Apabila harga berubah, kuantiti ditawar berubah |
| D | Berlaku pergerakan titik di sepanjang keluk penawaran | Berlaku peralihan keluk ke kanan atau ke kiri |

35



Scanned with CamScanner

11 Jadual berikut menunjukkan kuantiti diminta dan kuantiti ditawar sesuatu barang.

| Harga (RM) | Kuantiti diminta (unit) | Kuantiti ditawar (unit) |
|---|---|---|
| 25 | 100 | 180 |
| 10 | 110 | 160 |
| 15 | 120 | 140 |
| 10 | 130 | 130 |
| 5 | 140 | 120 |

Pilih pernyataan yang betul tentang jadual tersebut.

A Kuantiti diminta melebihi kuantiti ditawar sebanyak 80 unit pada tingkat harga RM25
B Lebihan permintaan sebanyak 50 unit pada tingkat harga RM10
C Harga keseimbangan pasaran adalah pada RM15
D Harga cenderung naik pada tingkat RM5

12 Jadual berikut menunjukkan harga dan kuantiti diminta suatu barang di pasaran.

| Harga (RM) | Kuantiti Diminta (unit) |
|---|---|
| 2 | 20 |
| 4 | 10 |

Berapakah nilai keanjalan harga permintaan apabila harga berubah dari RM2 ke RM4?

A 0.50
B 0.75
C 1.00
D 2.00

13 Rajah berikut menunjukkan keluk permintaan (DD) dan keluk penawaran (SS) pasaran kereta sebelum dan selepas pengenaan cukai oleh kerajaan.








Apakah kesan pengenaan cukai oleh kerajaan?

I Cukai per unit ialah $P_0P_1$
II Beban pengguna sebanyak $P_0P_1SR$
III Beban pengeluar sebanyak $P_0TUV$
IV Jumlah cukai ialah sebanyak $P_1SUV$

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

14 Situasi manakah menunjukkan fungsi wang sebagai alat bayaran tertunda?

A Jimmy membeli komputer secara tunai.
B Telefon pintar jenama Pantazz itu berharga RM 2 500.
C Siti membuat pembayaran kereta RM550 setiap bulan selama 9 tahun.
D Setiap kali menerima upah menjahit, Noni memasukkan sedikit wang ke dalam Bank Maybank Berhad untuk tujuan kecemasan atau luar jangka

15 Bagaimanakah cara bank pusat berfungsi sebagai jurubank kepada kerajaan?

A Mencetak wang negara
B Mengurus hutang negara
C Menyediakan rumah penjelasan
D Menjadi sumber pinjaman terakhir

16 Kelebihan pemegang akaun simpanan tetap ialah

A menerima faedah yang tinggi
B diberi kemudahan menggunakan cek
C dapat mengeluarkan wang bila-bila masa
D boleh menggunakan kad juruwang elektronik (ATM)

17 Maklumat berikut berkaitan dengan keluarga Pak Hussein.

| |
|---|
| Pak Hussein bekerja sebagai nelayan. Isterinya, Mak Limah menjalankan perusahaan kerepok lekor secara kecil-kecilan. Mereka mempunyai dua orang anak. Anak yang sulong iaitu Fendi, mengajar subjek Matematik di Sekolah Rendah Sentosa, manakala yang anak bongsunya Mastura baru menamatkan pengajian dalam bidang kejuruteraan elektrik. |

Siapakah yang terlibat dengan pekerjaan dalam sektor kedua?

A Pak Hussein.
B Mak Limah
C Mastura
D Fendi

18 Maklumat berikut menunjukkan perubahan upah wang dan harga purata barang bagi tahun 2018 dan 2020.

| Tahun | Upah Wang (RM) | Harga purata barang (RM) |
|---|---|---|
| 2018 | 6 000 | 100 |
| 2020 | 7 000 | 150 |

Apakah kesan yang berlaku dari tahun 2018 hingga 2020?

I Tabungan berkurang
II Upah benar meningkat
III Kuasa beli pengguna berkurang
IV Pendapatan boleh guna meningkat

A I dan II
B I dan III
C II dan IV
D III dan IV

19 Maklumat berikut merupakan rumus pendapatan boleh guna.

Pendapatan – X = Pendapatan Boleh Guna

Apakah X ?

I Bayaran pindahan
II Premium insuran
III Cukai pendapatan individu
IV Kumpulan wang simpanan pekerja

A I dan II
B I dan III
C II dan IV
D III dan IV

20 Gambar berikut menunjukkan input yang digunakan dalam proses pengeluaran barang X.



Pernyataan manakah yang tepat berkenaan input tersebut?



Scanned with CamScanner



A Tetap wujud walaupun keluaran sifar
B Wujud dalam jangka masa panjang sahaja
C Kuantitinya berubah mengikut perubahan output
D Pembayaran ke atas input dianggap sebagai kos berubah

21 Jadual berikut menunjukkan hubungan antara bilangan buruh dengan jumlah keluaran suatu barang

| Bilangan buruh (orang) | Jumlah keluaran (unit) |
|---|---|
| 0 | [illegible] |
| 20 | 200 |
| 40 | 800 |
| 60 | 1 600 |
| 80 | 2 000 |

Penggunaan buruh ke berapakah keluaran sut paling tinggi?

A 20
B 40
C 60
D 80

22 Jadual berikut menunjukkan jumlah kos pada pelbagai tingkat keluaran.

| Keluaran (unit) | Jumlah kos (RM) |
|---|---|
| 0 | 260 |
| 2 000 | 360 |
| 4 000 | 480 |
| 6 000 | 770 |

Berapakah kos tetap pada keluaran 6 000 unit?

A RM260
B RM290
C RM360
D RM490

23 Antara berikut, yang manakah merupakan kos implisit.

A Gaji pekerja
B Bayar bonus pekerja
C Tapak premis pemilik peniaga
D Ansuran pinjaman belian barang modal

24 Faktor manakah yang mempengaruhi produktiviti?

I Struktur organisasi
II Kepuasan pengguna
III Sistem dan prosedur
IV Tingkat agihan pendapatan

37



Scanned with CamScanner

A I dan II
B I dan III
C II dan IV
D III dan IV

**25** Maklumat berikut merupakan bantuan yang disalurkan oleh kerajaan.




Apakah kesan daripada bantuan tersebut ialah

I meningkatkan perbelanjaan kerajaan
II menyebabkan individu malas bekerja
III dapat membeli barang-barang keperluan
IV meringankan beban kewangan masyarakat

A I dan II
B I dan III
C II dan IV
D III dan IV

**26** Apakah kesan yang akan berlaku jika kadar inflasi meningkat daripada 0.58% kepada 2.50%?

I Peluang pekerjaan menurun
II Kuasa beli masyarakat meningkat
III Pendapatan benar masyarakat menurun
IV Nilai wang yang dipegang oleh isi rumah merosot

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

**27** Situasi manakah yang menyebabkan pengangguran kitaran?

A Pekerja yang meletak jawatan untuk mengharapkan pekerjaan lain
B Pekerja yang hilang pekerjaan kerana terlalu memilih pekerjaan
C Pekerja yang hilang pekerjaan semasa kemelesetan ekonomi
D Pekerja yang menghadapi kekurangan kemahiran





**28** Maklumat berikut adalah kesan daripada tindakan Bank Pusat untuk mengawal ketidakstabilan ekonomi.

| |
|---|
| • Penawaran wang berkurang<br>• Kuasa beli menurun |

Apakah tindakan yang diambil oleh Bank Pusat untuk mengawal keadaan tersebut?

A Menurunkan kadar faedah
B Mengetatkan syarat sewa beli
C Menurunkan nisbah rizab berkanun
D Memanjangkan tempoh bayaran balik pinjaman

**29** Apakah cara yang paling berkesan untuk mengehadkan kuantiti barang diimport?

A Tarif
B Kuota
C Embargo
D Kawalan pertukaran asing

**30** Rajah berikut merupakan satu maklumat berkaitan perdagangan antarabangsa.




X ialah

A Syarikat S menjual barang kepada Syarikat N
B Syarikat R memproses barangan dan menghantar kepada Syarikat D
C Syarikat H menghasilkan barangan dan menjualnya kepada Syarikat A
D Syarikat N membeli barangan daripada Syarikat S dan menjualnya kepada Syarikat D

**31** Maklumat berikut adalah tentang perdagangan antarabangsa.

| |
|---|
| Zuliana dan Fauziah bercuti ke Vietnam dan membeli koleksi cenderamata untuk keluarganya di Malaysia |

Nyatakan komposisi perdagangan yang terlibat?

I Import barang Nampak
II Eksport barang Nampak
III Import barang tak Nampak
IV Eksport barang tak Nampak

A I dan II
B I dan III
C I dan IV
D III dan IV

32 Antara yang berikut, manakah merupakan kesan positif daripada blok ekonomi?

A Tidak wujud mobiliti buruh
B Wujud kegawatan ekonomi negara
C Peningkatan modal dan tenaga kerja
D Tidak wujud perkongsian teknologi moden

33 Antara yang berikut, manakah import Malaysia?

I Komoditi utama
II Barangan pengantara
III Barangan modal
IV Barangan pembuatan

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

34 Antara berikut, yang manakah akan menyebabkan nilai Ringgit Malaysia jatuh?

I Malaysia meningkatkan import daging lembu dari Australia
II Petronas Berhad menambahkan pelaburan di negeri China
III Malaysia menjadi destinasi yang semakin diminati pelancong asing
IV Syarikat Perkapalan Malaysia (MISC) mendapat lebih banyak kontrak pengangkutan daripada firma asing

A I dan II
B I dan III
C II dan IV
D III dan IV

35 Kadar pertukaran antara Ringgit Malaysia dan Baht Thailand ialah **RM1 = 10 Bath Thai** pada satu tarikh tertentu. Jika seorang pengimport Thailand telah mengimport barang dari Malaysia bernilai 2 750 000 Bath, berapakah nilai yang perlu dibayar oleh Thailand?

A 275 000 Bath
B 27 500 000 Bath
C RM 275 000
D RM 27 500 000





Pilihan jawapan bagi **Soalan 36** hingga **Soalan 40** berdasarkan jadual berikut:

| Pilihan | Pernyataan I | Pernyataan II |
|---|---|---|
| A | Betul | Salah |
| B | Salah | Betul |
| C | Salah | Salah |
| D | Betul | Betul |

36 I Keluk kemungkinan yang cembung menunjukkan kos lepas semakin menurun.
II Analisis keluk kemungkinan pengeluaran mengandaikan teknologi adalah tetap.

37 I Penurunan kadar caruman KWSP pekerja akan menyebabkan keluk permintaan beralih ke kiri.
II Peningkatan cukai pendapatan individu menyebabkan permintaan meningkat.

38 I Risiko pelaburan ialah kemungkinan menghadapi sesuatu yang tidak pasti pada masa akan datang.
II Pelaburan dalam saham syarikat mempunyai risiko yang rendah tetapi mendapat pulangan yang tinggi.

39 I Eksternaliti ialah kos atau faedah yang diambil kira dalam dalam proses pengeluaran barang dan perkhidmatan.
II Kos Sosial = kos peribadi + kos luaran.

40 I Pertambahan barang eksport berubah secara langsung dengan nilai mata wang.
II Peningkatan nilai eksport menyebabkan nilai mata wang menaik.

**KERTAS SOALAN TAMAT**

39

**KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**
**Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu**

**MPP3 TAHUN 2021**
**EKONOMI**
**Kertas 2**
**2 ¼ jam**

**3767/2**

**Dua jam lima belas minit**

**Nama Calon:**......................................................................

**Tingkatan :**......................................................................

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. *Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian :* **Bahagian A** *dan* **Bahagian B**
2. *Jawab* **semua** *soalan di* **Bahagian A** *dan* **dua** *soalan daripada* **Bahagian B.**
3. *Jawapan anda hendaklah ditulis pada ruang yang disediakan dalam kertas peperiksaan ini.*
4. *Markah yang diperuntukkan bagi setiap soalan atau ceraian soalan ditunjukkan dalam kurungan.*
5. *Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik yang* **tidak** *boleh diprogramkan.*

| *Untuk Kegunaan Pemeriksa* | | | |
|---|---|---|---|
| Bahagian | Soalan | Markah | Markah Penuh |
| A | 1 | 20 | |
| | 2 | 20 | |
| | 3 | 20 | |
| B | 4 | 20 | |
| | 5 | 20 | |
| | 6 | 20 | |
| | 7 | 20 | |
| **Jumlah** | | | |

Kertas soalan ini mengandungi 13 halaman bercetak

*[Lihat halaman sebelah*



40



**Bahagian A**
*[ 60 markah]*
*Jawab semua soalan di bahagian ini.*

1 (a) Gambar 1 menunjukkan aktiviti pengeluaran Firma A.



Gambar 1

Terangkan faktor pengeluaran tersebut.

......................................................................
......................................................................
......................................................................
......................................................................
......................................................................
......................................................................
......................................................................
......................................................................

[ 4 markah ]

(b) Maklumat berikut berkaitan dengan ciri-ciri sistem ekonomi Negara Z.

- Harga barang ditentukan oleh mekanisme harga
- Kerajaan mengawal melalui cukai dan subsidi

(i) Tentukan sistem ekonomi Negara Z.

......................................................................
......................................................................
......................................................................

[ 1 markah ]

(ii) Selain daripada mengawal harga barang, nyatakan campur tangan kerajaan yang lain dalam ekonomi.

[ 3 markah ]

(c) Jelaskan kesan setiap situasi yang berikut terhadap pasaran kereta Axia.

(i) Puan Aisah telah dinaikkan pangkat dan upahnya telah bertambah sebanyak RM 400.

[ 2 markah ]

(ii) Kerajaan telah memberikan bantuan Pakej Perlindungan Rakyat dan Pemulihan Ekonomi (PEMULIH) sebanyak RM150 billion kepada pengeluar.

[ 2 markah ]

(iii) Harga kereta import telah turun sebanyak 10 peratus.

[ 2 markah ]





(d) Rajah di bawah menunjukkan penawaran terhadap sesuatu barang




Terangkan tiga penentu yang menyebabkan peralihan keluk penawaran dari S0S0 ke S1S1.

[ 6 markah ]

2 (a) Bezakan antara deposit tabungan dan deposit tetap.

[ 5 markah ]

(b) Maklumat berikut berkaitan dengan jenis pendapatan individu.

PUTRAJAYA: Kerajaan sudah menyalurkan bantuan langsung kepada golongan yang memerlukan berjumlah RM32.1 bilion sejak negara dilanda COVID-19 Mac tahun lalu.

Menteri Kewangan, Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz, berkata bantuan langsung berkenaan merangkumi Bantuan Prihatin Nasional (BPN) dan Bantuan Prihatin Rakyat (BPR) dan Bantuan Sara Hidup (BSH).

*Sumber: Berita Harian Online, 3 Jun 2021*

(i) Jelaskan jenis pendapatan tersebut.

....................................................................................................

....................................................................................................

....................................................................................................

....................................................................................................

....................................................................................................

....................................................................................................

....................................................................................................

....................................................................................................

....................................................................................................

....................................................................................................

[ 3 *markah* ]

(ii) Wajarkah bantuan ini diteruskan? Berikan alasan anda.

....................................................................................................

....................................................................................................

....................................................................................................

....................................................................................................

....................................................................................................

....................................................................................................

....................................................................................................

[ 4 *markah* ]





(c) Encik Haikal telah memulakan perusahaan ternakan ikan setelah meletak jawatan sebagai penyelia kilang dengan gaji bulanan sebanyak RM2500. Butiran hasil dan kos untuk perusahaan ternakan ikan adalah seperti berikut:

| | |
|---|---|
| Benih ikan | RM2 500 |
| Makanan ikan | RM3 500 |
| Peralatan | RM1 000 |
| Sewa tapak | RM3 000 |
| Jumlah hasil | RM25 000 |

Berdasarkan maklumat hitungkan:

(i) Jumlah keuntungan Encik Haikal.

....................................................................................................

....................................................................................................

....................................................................................................

....................................................................................................

....................................................................................................

[ 2 *markah* ]

(ii) Jumlah untung ekonomi Encik Haikal.

....................................................................................................

....................................................................................................

....................................................................................................

....................................................................................................

....................................................................................................

....................................................................................................

[ 2 *markah* ]

42

(d) Maklumat di bawah berkaitan dengan aspek eksternaliti.

Taman Tasik Kenyir merupakan taman rekreasi yang popular di negeri Terengganu. Pada hujung minggu, taman ini sesak dengan penduduk setempat yang berkelah dan beriadah bersama keluarga. Namun, sejak bulan Mac yang lalu, taman rekreasi ini tidak dibuka untuk para pengunjung akibat Perintah Kawalan Pergerakan seluruh negara yang diumumkan oleh pihak kerajaan bagi membendung gejala Covid 19.

Jelaskan kesan tindakan kerajaan tersebut terhadap masyarakat.

..........................................................................................

..........................................................................................

..........................................................................................

..........................................................................................

..........................................................................................

..........................................................................................

..........................................................................................

[ 4 markah ]



43



3 (a) Gambar 1 dan Gambar 2 di bawah berkaitan dengan cukai yang terdapat di Malaysia.




Gambar 1




Gambar 2

Bandingkan jenis-jenis cukai tersebut.

..........................................................................................

..........................................................................................

..........................................................................................

..........................................................................................

..........................................................................................

..........................................................................................

..........................................................................................

..........................................................................................

[ 6 markah ]

(b) Maklumat di bawah adalah berkaitan dengan satu perjanjian perdagangan blok ekonomi.

ASEAN Free Trade Area atau AFTA adalah perjanjian perdagangan bebas yang dibuat oleh Persatuan Negara-negara Asia Tenggara.

Terangkan tujuan perjanjian di atas.

..........................................................................................

..........................................................................................

..........................................................................................

..........................................................................................

..........................................................................................

..........................................................................................

[ 5 markah ]

(c) Maklumat yang berikut berkaitan dengan inflasi di Malaysia.

> **Inflasi Malaysia dijangka meningkat sederhana 2020 – Bank Dunia**
>
> KUALA LUMPUR : Inflasi keseluruhan Malaysia dijangka meningkat sederhana pada 2020, dengan julat purata antara 1.5 dan 2.0 peratus tahun depan. Pengenalan semula mekanisme apungan harga petrol RON95 dan diesel pada Januari 2020 dijangka menyebabkan kenaikan sederhana kos pengangkutan.
>
> *Sumber : http://www.bharian.com.my, Selasa, 10 Disember 2019*

Terangkan jenis inflasi berdasarkan petikan di atas.

..............................................................................................................

..............................................................................................................

..............................................................................................................

[ 2 markah ]

(d) Maklumat berikut merupakan kadar pertukaran antara Ringgit Malaysia (RM) berbanding dengan Dolar Amerika Syarikat (USD) pada bulan Julai dan Ogos 2021

| Tarikh | USD | MYR |
|---|---|---|
| 1 Julai 2021 | USD 1 | RM 4.17 |
| 1 Ogos 2021 | USD 1 | RM 4.24 |

*Sumber : Jabatan Operasi Pelaburan dan Pasaran Kewangan BNM 2021*

Syarikat Global Venture membuat pembelian 10 unit mesin daripada Amerika Syarikat dengan harga USD 8000.00 seunit 1 Julai 2021.

(i) Hitung nilai seunit mesin yang perlu dibayar oleh Syarikat Global Venture berdasarkan kepada kadar tukaran wang asing pada bulan Julai 2021.

..............................................................................................................

..............................................................................................................

..............................................................................................................

..............................................................................................................

..............................................................................................................

[ 2 markah ]

(44)





(ii) Sekiranya pembayaran dibuat pada 1 Ogos 2021, apakah situasi yang telah dihadapi oleh syarikat tersebut. Jelaskan.

..............................................................................................................

..............................................................................................................

..............................................................................................................

..............................................................................................................

..............................................................................................................

..............................................................................................................

..............................................................................................................

..............................................................................................................

..............................................................................................................

..............................................................................................................

[ 5 markah ]

## BAHAGIAN B

[40 *Markah*]

*Jawab dua soalan sahaja dalam bahagian ini.*

**4** Maklumat berikut berkaitan dengan pekerja asing di Malaysia.

> **Kerajaan tangani kebanjiran pekerja asing**
>
> Sempena dengan penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan Pematuhan (PKPP), kawalan di sempadan Sarawak-Kalimantan terus diperketatkan bagi menghalang kemasukan pendatang asing tanpa izin (PATI).
>
> Menurut Pesuruhjaya Polis Sarawak, Datuk Aidi Ismail, sekatan jalan raya juga masih dijalankan di beberapa daerah bagi memastikan tiada penularan wabak COVID-19 dari negara jiran ke Sarawak.
>
> *Ubah suai: https://www.astroawani.com/; 16 Jun 2020*

(a) Mengapakah berlakunya senario sedemikian? [ 5 *markah* ]

(b) Jelaskan kesan situasi tersebut terhadap ekonomi negara. [ 6 *markah* ]

(c) Tindakan kerajaan itu secara tidak langsung dapat meningkatkan kebajikan masyarakat.

Bincangkan. [ 9 *markah* ]

**5** Maklumat berikut berkaitan dengan penangguhan bayaran pinjaman di Malaysia.

> **Manfaat moratorium perkukuh upaya tunai peribadi**
>
> Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN) memberi nafas lega kepada masyarakat yang terkesan secara langsung atau tidak terhadap penularan COVID-19.
>
> Ia sewajarnya dimanfaatkan dalam memantapkan pengurusan kewangan peribadi, khususnya dalam merancang kewangan diri dan keluarga untuk tempoh jangka pendek ini.
>
> Banyak penjimatan dan peningkatan dalam tabungan peribadi boleh dilakukan jika benar-benar memanfaatkan bantuan kewangan digariskan. Sebagai contoh, moratorium pinjaman, yang mana penangguhan bayaran pinjaman diberi untuk enam bulan.
>
> *Ubah suai : Berita Harian, 16 April 2020*

(a) Dengan bantuan tersebut, bagaimanakah masyarakat dapat merancang pengurusan kewangan peribadi? [ 5 *markah* ]

(b) Berdasarkan maklumat tersebut, cadangkan tindakan yang perlu anda laksanakan untuk meningkatkan jumlah pendapatan. [ 6 *markah* ]

(c) Penangguhan bayaran pinjaman tersebut memberi kesan positif terhadap ekonomi negara. Jelaskan. [ 9 *markah* ]





**6** Maklumat berikut berkaitan dengan Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat




*Sumber : BERNAMA 23 September 2020*

(a) Berdasarkan maklumat tersebut, jelaskan konsep unit ekonomi yang terlibat. [ 4 *markah* ]

(b) Ramalkan impak bantuan tersebut terhadap firma. [ 7 *markah* ]

(c) Kumpulan B40 adalah antara penerima bantuan terbesar dalam pakej Prihatin kerajaan ini.

Wajarkah golongan ini diberi keutamaan oleh kerajaan ?
Kemukakan hujah anda. [ 9 *markah* ]

**7** Maklumat berikut berkaitan dengan isu barang import

> KUALA LUMPUR: Bekalan beras import yang mewakili 30 peratus keperluan negara tidak terjejas walaupun dunia sedang berhadapan pandemik Covid-19.
>
> Menteri Pertanian dan Industri Makanan Datuk Seri Dr Ronald Kiandee berkata, syarikat pengimport beras tunggal negara Padi beras Nasional Berhad (Bernas) tidak mengalami sebarang masalah bagi mengimport stok berkenaan secara langsung.
>
> Katanya, meskipun terdapat laporan mengatakan ada negara pembekal enggan membenarkan beras mereka dieksport, ia sama sekali tidak menjejaskan stok beras negara.
>
> *Sumber : METRO; 23 Jun 2020*

(a) Jelaskan kaedah yang boleh digunakan untuk memastikan harga beras tempatan menjadi lebih murah dalam pasaran tempatan. [ 4 *markah* ]

45

(b) Dengan bantuan rajah, jelaskan kesan tindakan di 7 (a) terhadap pasaran beras tempatan. [ *7 markah* ]

(c) Wajarkah pasaran beras tempatan masih bergantung kepada bekalan beras import pada masa hadapan.

Bincangkan. [ *9 markah* ]

**KERTAS SOALAN TAMAT**